

**BAHASA MELAYU [011]**

Satu jam lima belas minit

1. Tulis nama dan nama kelas kamu pada ruang yang disediakan.
2. Jawapan kamu hendaklah ditulis pada ruang jawapan yang disediakan.

**Bahagian A**  
[10 markah]

**Soalan 1 dan 2**

Pilih jawapan yang paling sesuai.

- 1 Tanya Puan Chin kepada anaknya, "Liu Meng, di manakah <sup>颁奖典礼</sup> majlis Anugerah Kecemerlangan Sekolah \_\_\_\_\_ akan diadakan pada kali ini?"

- A kami
- B awak
- C kamu
- D kalian

Morfologi Aras R

**TIP**

Cara menjawab soalan

Teliti penggunaan kata ganti nama diri yang paling sesuai berdasarkan konteks ayat yang diberikan.

- 2 Pokok-pokok mangga yang ditanam oleh ayah hidup dengan suburnya dan berbuah

- A lebat
- B tebal
- C rapat
- D penuh

lebat 满 / hujan lebat 大雨  
berbuah lebat 果实累累  
rambut lebat 多发

Morfologi Aras R

**Soalan 3**

Pilih ayat yang betul.

- 3 A Nenek memberus ikan keli itu supaya tidak berbau hanyir. <sup>鱼腥味</sup>  
B Ibu <sup>advice</sup> menasihati adik supaya sentiasa <sup>respect</sup> menghormati orang lain.  
C Encik Lau menyeru <sup>or else</sup> jiran-jirannya ke majlis perkahwinan anak perempuannya.  
D Adila mengaduh <sup>投诉</sup> kesakitan kerana kakinya dipegang oleh kucing <sup>握住</sup> (peliharaannya.) <sup>畜养</sup>

Sintaksis Aras S

## Soalan 4 hingga 6

Baca petikan di bawah ini dengan telitinya, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Encik Azli dan keluarganya baru berpindah ke Taman Sejati. Rumah mereka dekat dengan rumah Encik Chan dan Encik Muthu.

Encik Azli mengadakan jamuan di rumahnya. Tujuannya adalah untuk berkenalan dengan penduduk di taman itu. Oleh itu, Encik Azli meminta bantuan daripada jiran-jiran yang terdekat untuk memasang khemah.

Suasana di majlis itu sungguh meriah. Encik Azli dan isterinya bersalam-salaman dengan jiran-jiran yang hadir. Mereka berbual-bual dengan mesranya. Mereka menikmati jamuan yang disediakan. Setelah majlis tamat, jiran-jiran membantu untuk mengemas tempat jamuan itu. Encik Azli berterima kasih kepada mereka.

## TIP

Ayat ini menunjukkan bahawa tujuan Encik Azli mengadakan jamuan itu adalah untuk berkenalan dengan penduduk di taman itu.

- 4 Tujuan Encik Azli mengadakan jamuan itu adalah untuk
- memasang khemah.
  - mengemas tempat jamuan.
  - berbual-bual dengan mesranya.
  - berkenalan-kenalan dengan penduduk.

Memahami Aras R

- 5 Pilih pernyataan yang benar tentang petikan.
- Encik Azli sudah lama tinggal di Taman Sejati.
  - Encik Azli mengadakan jamuan di rumah Encik Chan.
  - Encik Azli berjiran dengan Encik Chan dan Encik Muthu.
  - Encik Azli mengucapkan terima kasih kepada rakan-rakannya.

Mengaplikasi Aras S

- 6 Yang berikut ialah keterangan tentang Encik Azli berdasarkan petikan
- baru berpindah ke Taman Sejati.
  - bersikap mesra dengan jiran-jiran.
  - mengadakan majlis rumah terbuka.
  - menghargai bantuan yang diberikan oleh jiran-jiran.

Menganalisis Aras T

**Soalan 7 hingga 10**

Baca maklumat dalam **Bahan 1** dan **Bahan 2** dengan telitinya, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

**BAHAN 1**

Encik Ali, Encik Chan, dan Encik Gopal hidup berjiran di Taman Muhibah. Mereka sentiasa menghormati antara satu dengan yang lain. Selain mereka, penduduk di taman itu juga saling bekerjasama untuk melakukan pelbagai (aktiviti kemasyarakatan). Dengan cara itu, perpaduan kaum dapat diwujudkan.

Pada hujung minggu itu, mereka berkumpul untuk mengadakan aktiviti gotong-royong kebersihan. Mereka akan membersihkan dewan serba guna yang baru dibina. Keesokan harinya, mereka juga bekerjasama untuk menyambut ketibaan tetamu kehormat yang akan merasmikan dewan serba guna itu. Semua penduduk berasa gembira kerana hasil persepakatan mereka, dewan serba guna itu dapat dibina. Mereka datang (beramai-ramai) untuk memeriahkan majlis itu.

**BAHAN 2**

### MAJLIS PERASMIAN DEWAN SERBA GUNA DAN PENYAMPAIAN SUMBANGAN TAMAN MUHIBAH

**Tarikh:** 24 Mei 2025

**Masa:** 9:00 pagi hingga 12:30 tengah hari

**Tempat:** Dewan Serba Guna Taman Muhibah

**Acara:**

- 9:00 - Ketibaan tetamu kehormat
- 9:30 - Ucapan ketua penduduk
- 10:00 - Ucapan tetamu kehormat
- 10:30 - Acara perasmian 开幕仪式
- 11:00 - Penyampaian sumbangan 贡献
- 12:00 - Jamuan ringan
- 12:30 - Majlis bersurai 散会

**Datanglah  
beramai-ramai  
untuk memeriahkan  
majlis.**

- 7 Pada hujung minggu itu, penduduk Taman Muhibah bergotong-royong untuk
- A memeriahkan majlis.
  - B membina dewan serba guna.
  - C membersihkan dewan serba guna.
  - D menyambut ketibaan tetamu kehormat.

Memahami Aras R

- 8 Semua penduduk berasa gembira kerana hasil persepakatan mereka, dewan serba guna itu dapat dibina.

Penjodoh bilangan yang sesuai dengan perkataan bergaris dalam ayat di atas ialah

- A biji.
- B buah.
- C deret.
- D petak.

Penjodoh Bilangan Aras R

**TIP****Cara menjawab soalan**

1. Baca ayat yang diberikan dengan telitinya.
2. Kenal pasti kehendak soalan. Soalan tersebut meminta kamu memilih penjodoh bilangan yang sesuai bagi perkataan yang bergaris.

- 9 Perkataan *memeriahkan* dalam **Bahan 1** dan **Bahan 2** boleh digantikan dengan perkataan
- A meriuhkan.
  - B meramaikan.
  - C membingitkan. 刺耳到弄到短暂耳聋
  - D membanyakkan.

Memahami Aras S

- 10 Pilih pernyataan yang **benar** tentang **Bahan 1** dan **Bahan 2** di atas.
- A Penyampaian sumbangan diadakan pada pukul 11:30 pagi.
  - B Penduduk Taman Muhibah akan mengadakan aktiviti kemasyarakatan.
  - C Majlis perasmian dewan serba guna itu berlangsung selama empat jam.
  - D Penduduk Taman Muhibah bersepakat untuk membina dewan serba guna.

Menganalisis Aras T

## Bahagian B

[10 markah]

## Soalan 1

Baca petikan di bawah ini, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Kubis, Terung, Cili, Labu, dan Kacang (Botor melihat ke arah Pak Cik Chong yang sedang (membubuh baja) pada sayur-sayuran. Isteri dan anaknya pula menyiram sayur-sayuran.

“Kawan-kawan, lihatlah tuan kita itu. Saya berasa sungguh kagum apabila melihatnya. Dia dan keluarganya sungguh rajin bekerja. Mereka sentiasa bekerjasama untuk menjaga kita,” kata Kubis.

“Ya, Kubis. Kita juga perlu (bersatu padu) untuk menjaga diri kita. Lihat sahaja kamu dan rakan-rakan sayur kita. Semuanya sihat dan subur. Aku pula bertugas untuk menghalang air daripada melimpah,” kata Batas.

“Betul, Batas. Tugas aku pula melindungi kalian daripada panas terik matahari. (Kedudukan) aku di atas para ini seperti bumbung,” kata Sultur.

“Aku juga sungguh gembira. Hasil kerjasama kita semua, sayur-sayuran dapat hidup subur. Oleh itu, dapatlah tuan kita menjual sayur-sayuran di pasar. Malah, dia dapat memberikan sayur-sayuran kepada jiran-jirannya juga,” kata Pagar pula.

## TIP

Ayat ini menunjukkan bahawa Pak Cik Chong sedang membubuh baja pada sayur-sayuran di kebunnya.

- 1 (a) Pak Cik Chong sedang membubuh \_\_\_\_\_  
pada sayur-sayuran di kebunnya.

Memahami Aras R [1 markah]

- (b) Mengapakah Kubis berasa kagum apabila melihat tuannya?

Kubis berasa kagum apabila melihat tuannya kerana \_\_\_\_\_

---



---



---

Mengaplikasi Aras R [2 markah]

(c) *Bulatkan satu kata adjektif yang terdapat dalam ayat yang diberikan.*

Tugas aku pula melindungi kalian daripada panas terik matahari.

Morfologi Aras S [1 markah]

(d) *Pilih dan tulis (BETUL) bagi ayat yang sama maksud dengan ayat yang diberikan.*

Hasil kerjasama kita semua, sayur-sayuran dapat hidup subur.

|                                                                 |  |
|-----------------------------------------------------------------|--|
| Sayur-sayuran dapat hidup subur hasil kerjasama kita semua.     |  |
| Sayur-sayuran dapat hidup subur apabila kita semua bekerjasama. |  |

Sintaksis Aras T [1 markah]

**TIP**

**Cara menjawab soalan**

1. Fahami ayat yang diberikan dengan telitinya.
2. Kenal pasti ayat yang membawa maksud yang sama dengan ayat yang diberikan.

**Soalan 2**

Baca dan fahami situasi di bawah ini. Kemudian, berikan pendapat kamu berdasarkan situasi tersebut.

Panjangnya jawapan kamu hendaklah tidak lebih daripada 30 patah perkataan.

Kamu dan rakan kamu melihat poster tentang Minggu Perpaduan Sekolah. Ada pelbagai aktiviti yang menarik seperti persembahan kebudayaan, sukaneka, dan permainan tradisional. Rakan kamu mengajak kamu menyertai permainan tradisional.

2 Berdasarkan situasi di atas, apakah tindakan kamu? **KBAT**

Berdasarkan situasi di atas, saya akan \_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_

Menganalisis Aras T [5 markah]

**TIP****Cara menjawab soalan**

1. Baca dan fahami situasi yang diberikan.
2. Soalan tersebut meminta kamu memberikan pendapat berdasarkan situasi yang diberikan.

## Bahagian C

[10 markah]

Grafik di bawah ini tentang hubungan kekeluargaan.

Tulis pendapat kamu tentang cara-cara merapatkan hubungan kekeluargaan.

Jawapan kamu hendaklah ditulis dalam satu perenggan.

Panjangnya jawapan kamu hendaklah tidak lebih daripada 50 patah perkataan. **KBAT**

Perenggan: Menganalisis Aras T



### TIP

#### Cara menjawab soalan

1. Baca dan fahami arahan soalan.
2. Kenal pasti kata kunci dalam arahan soalan.
3. Berdasarkan arahan soalan tersebut, kamu perlu menulis pendapat tentang cara-cara merapatkan hubungan kekeluargaan.


## Bahagian D

[20 markah]

Teliti bahan grafik di bawah ini. Kemudian, tulis sebuah karangan dalam bentuk karangan berformat atau tidak berformat. Panjangnya karangan kamu hendaklah antara 50 hingga 80 patah perkataan. **KBAT**

Karangan: Mencipta Aras T

### DI DUSUN DATUK



1 Tulis karangan keperihalan berdasarkan gambar di atas.

ATAU

2 Tulis dialog berdasarkan gambar di atas.



PBD 总结式课堂评估  
PENTAKSIRAN SUMATIF



Berdasarkan  
Jadual Spesifikasi Ujian  
(JSU)

# 模拟评估 KERTAS MODEL

Ujian Akhir Sesi Akademik

国文 Bahasa  
Melayu

Tahun

5



4+1 set kertas model

- 4 set kertas model yang ditulis mengikut urutan tema buku teks
- 1 set kertas model merangkumi semua tema buku teks

PERCUMA



1 set Kertas Model UASA Digital  
<https://bit.ly/3CL0I00>



Jadual Spesifikasi Ujian (JSU)  
yang boleh diedit disediakan.  
<https://bit.ly/3AQtbaz>

Rosnani Majid

Nama

Kelas

Sekolah